

# Zuraida saran jual rumah mewah pada pembeli China, Hong Kong

MALAYSIA KINI | Diterbitkan 11 Sep 2019, 9:50 malam



Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin mencadangkan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) untuk menarik pembeli dari China dan Hong Kong bagi menyelesaikan isu lambakan rumah tak terjual di negara ini.

Kempen itu bagaimanapun katanya hanya terhad untuk rumah-rumah mewah tidak terjual yang bernilai RM100 bilion mengikut harga pasaran.

"Saya terfikir untuk menjual unit tak terjual, sekarang (kira-kira) RM100 bilion untuk pasaran rumah mewah. Saya tak bercakap tentang pasaran rumah (berharga) lebih murah.

"Adalah lebih murah (bagi warga Hong Kong) membeli rumah di Malaysia berbanding di Hong Kong.

"Saya pernah pergi ke satu unit apartment (di Hong Kong), 250 kaki persegi berharga RM3 juta. Saya kata, menteri pun tak mampu (nak beli)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Smart Cities Asia 2019 kali kelima di Pusat Persidangan Kuala Lumpur.

Namun, katanya perkara itu masih belum diputuskan dan akan dirujuk ke kabinet serta dibincangkan dengan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Mohammadin Ketapi.